

Alim-Ulama Dalam Kesultanan Melayu Melaka

Oleh:

(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman
Pertubuhan NGO Kesedaran Melayu & Islam
(KEMUDI)

ALIM-ULAMA DALAM KESULTANAN MELAYU MELAKA

Topik	Ms
Kesultanan Melaka Mensyiarkan Islam	3
Alim-ulama dalam Kesultanan Melaka	4
Kitab <i>Duri'l-Mazlum</i> petikan <i>Sulalatus Salatin</i>	6
Peranan Pulau Besar	7
Melaka Mendefinisi Melayu	8
Rumusan	10
Rujukan	12

Kesultanan Melaka Mensyiarkan Islam

Sekitar 700 tahun dahulu, wujud sebuah kuasa maritim besar dunia yang menyaingi pelabuhan Venice di Eropah, malah menjulang peradaban dan ketamadunan Islam yang tinggi, menjadi pusat ilmu, dakwah dan tarbiyah islamiyyah yang paling penting di rantau ini.

Kuasa yang gemilang dan terunggul ini dikenali sebagai Kesultanan Melayu Melaka, diakui kehebatannya sebagai *highly cultured society*, meniti di bibir para pedagang dan penguasa-penguasa dari berbagai belahan dunia, ramai yang berbondong-bondong datang ke pelabuhannya sehingga dikatakan 84 bahasa yang berlainan dipertuturkan di kota Melaka.

Kesultanan Melaka merupakan sebuah kerajaan Melayu yang besar lagi kaya. Ia meliputi bukan sahaja Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Singapura tetapi juga beberapa wilayah di Pantai Timur Sumatera seperti Indragiri, Siantan, Kampar dan Siak. Malahan beberapa negeri yang dahulunya berada di bawah jajahan Siam dan Majapahit seperti Bernam, Kelang, Selangor, Sungai Ujung, Kedah dan Patani telah memohon nobat dari Melaka. Pada zaman itu, nobat bererti menerima ketuanan Melaka.

Kesultanan Melaka diakui sebagai kerajaan yang menyumbang jasa yang besar sebagai pusat penyebaran dan pendidikan Islam di Alam Melayu. Contohnya, perkembangan Islam di Negeri Sembilan adalah atas pengaruh kesultanan Melaka, dimana Bendahara Tun Perak (1423-1446M) yang memiliki Sungai Ujung menggunakan saluran ini bagi perkembangan Islam ke jajahan-jajahan lain di negeri itu. Bendahara Tun Perak juga menggunakan kaedah yang sama dalam meluaskan Islam di Selangor melalui daerah Kelang yang juga adalah miliknya.

Di Pahang, batu nesan Sultan Muhammad, sultan pertamanya yang ditemui menunjukkan tarikh kemangkatan baginda dalam tahun 1475M. Sultan Muhammad merupakan putera kepada Sultan Mansor Syah Melaka. Ini menunjukkan bahawa kemasukan Islam ke Pahang berlaku sekitar abad ke-15M. Islam juga telah diperluaskan di negeri Kelantan pada abad ke 15 M melalui pengislaman keluarga diraja mereka di tangan pemerintah Melaka.

Sultan Mahmud Syah yang memerintah Melaka dari tahun 1488-1511M terpaksa berundur akibat tewasnya Melaka di tangan Portugis, lalu pergi ke Johor, dan mendirikan kerajaannya di sana pula. Dengan demikian, kemasukan agama Islam ke negeri Johor adalah merupakan kesinambungan daripada pengislaman Melaka. Islam tersebar ke negeri Perak pula melalui pertolongan yang diberikan oleh Sultan Mahmud Syah kepada Raja Beruas dari serangan musuhnya, Manjung. Kemudian saudara perempuan Raja Beruas telah dikahwinkan dengan seorang pembesar Melaka. Di sinilah mulanya penyebaran Islam di Perak pada penghujung abad ke-15M.

Ringkasnya, apabila kerajaan-kerajaan kecil mengambil nobat dari Melaka, gagasan Melayu-Islam yang dicorakkan oleh Kesultanan Melayu Melaka dijadikan dasar serta pegangan mereka. Maka peringkat demi peringkat pentakrifan Melayu yang asalnya dimaksudkan sebagai kaum dari beberapa wilayah di Alam Melayu termasuk Jambi dan Palembang kemudiannya telah berkembang dan bertukar menjadi suatu takrifan budaya, meliputi berbagai etnik seperti Melayu-Brunei, Melayu-Bugis, Melayu-Acheh, Melayu-Minang, Melayu-Pattani,

Melayu-Sulu, Melayu-Betawi, Melayu-Banjar dan sebagainya, sebagai rumpun bangsa Melayu yang mencakupi seluruh Alam Melayu berpasak kepada tiga ciri dasar iaitu 'Beragama Islam, Berbahasa Melayu dan Beradat Istiadat Melayu.'

Istilah Melayu pada takrifan budaya yang terjelma pada awalnya dalam Kesultanan Melaka ini terus berkembang sejajar proses islamisasi Alam Melayu dengan kemuncaknya pada abad ke 17-18 M dengan penulisan beribu-ribu kitab agama menurut jalur Tauhid Imam Asy'ariee & Maturidi, Fiqh Imam Syafiee, serta ilmu Tasawuf yang bersumber dari ajaran Imam Ghazali, Imam Ibn Atoillah, Imam Abdullah al-Haddad, Syeikh Abdul Qadir Jailani dan yang seumpama mereka.

Alim-ulama Alam Melayu yang kemudian seperti Maulana Makhdum Ibrahim (Sunan Bonang), Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatoni, Syeikh Abdus Samad al-Falembani, Syeikh Abdul Rauf ibn Ali al-Fansuri, Syeikh Hamzah al-Fansuri, Syeikh Uthman Jalaluddin dan ramai lagi adalah alim-ulama Alam Melayu yang menulis kitab-kitab rujukan/cabangan bersempena kitab-kitab induk daripada imam-imam besar seperti di atas.

Maka alim-ulama serta tok-tok guru ini memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik serta membentuk minda, aliran pemikiran, kejiwaan dan gerakerja masyarakat Melayu seNusantara, termasuklah dalam amalan-amalan seperti bertahlil, bertalkin, bermaulid, beratib, bermarhaban, berhaul, bersuluk, bertawassul, bertabbaruk, memuliakan wali-wali dan ahlul bait Nabi ﷺ, taat pada raja, ibubapa dan guru, serta banyak lagi.

Alim-ulama dalam kesultanan Melaka

Menurut Tan Sri Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas, pembangun kesultanan Melaka yang pertama, iaitu Parameswara telah diislamkan samada oleh Maulana Ibrahim Asmoro ataupun puteranya Maulana Ishak¹. Setelah pengislaman Parameswara, baginda digelar dengan nama Sultan Iskandar Shah. Berkemungkinan usianya yang lanjut semasa menerima Islam (dikatakan usianya ketika itu adalah 80 tahun), maka Sultan Iskandar tidak sempat untuk mengislamkan seluruh ahli keluarga baginda, maka kita lihat berlaku peristiwa pengislaman cucu atau cicitnya, iaitu Raja Kecil Besar.

Menurut kitab *Sulalatus Salatin*, Raja Kecil Besar telah diislamkan oleh Sayyid Abdul Aziz, langsung mengambil nama Sultan Muhammad Shah bersempena pengislaman baginda. Sayyid Abdul Aziz juga telah menjadi guru agama peribadi kepada baginda selama lapan tahun.

Di Melaka, pesantren pertama di buka oleh Sayyid Abdul Aziz di sebuah tempat bernama Upih, sekarang menjadi Tengkeru. Masjid Tengkeru adalah salah satu masjid tertua di Melaka. Dalam babad Tanah Jawi dikatakan bahawa Sunan Giri dan anak seorang gurunya, Sunan Bonang belayar dari Ampel kerana hendak

¹ Menurut Prof Sayyid Muhammad Naquib al-Attas, Parameswara memeluk Agama Islam samada diantara tahun 1376-1378 di Palembang, kemungkinan di tangan Sayyid Ibrahim Asmoro@Sunan Ngesik@Ibrahim Zain al-Din al-Akbar @Karimul Makhdum@Syarif Awliya, iaitu putera kepada Sayyid Hussen Jamadil Kubra, ataupun diantara tahun 1378 dan sebelum 1404 di Melaka. Menurut Prof Sayyid Muhammad lagi, jikalau Parameswara menganut Islam diantara tahun 1392-1404 di Melaka, berkemungkinan yang mengislamkannya adalah Maulana Ishak, putera kepada Ibrahim Asmoro@Ibrahim Zainal al-Din al-Akbar itu, cucu Sayyid Hussein Jamadil Kubra. Rujuk bukunya *Historical fact and fiction*, op.cit, hlm 96-97

menunaikan Fardhu Haji. Ketika sampai di Melaka, mereka bertemu dengan Syeikh Wali Lanang, lalu terus menetap di situ dan menuntut ilmu daripadanya. Setelah selesai mengaji, mereka ingin meneruskan hasrat ke Mekah, namun Syeikh Wali Lanang telah menasihatkan mereka untuk kembali berdakwah di Pulau Jawa². Sunan Kalijaga dan Syeikh Sutabris juga pernah mengaji di Pulau Upih³.

Anaknya yang bernama Sayyid Yusuff (kemudiannya menjadi Maulana Yusuff) dan cucunya yang bernama Sayyid Menawar juga telah dilantik sebagai Kadhi Melaka. Kedua-dua anak dan cucu Sayyid Abdul Aziz ini telah berkesempatan membimbing dan menjadi penasihat kepada hampir kesemua pemerintah Melaka seperti Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mahmud Syah I. Ini merupakan suatu tempuh panjang yang mampu meninggalkan pengaruh serta warisan ketamadunan dan peradaban Melayu berpasak ketauhidan sebagai teras pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Maulana Sadar Jahan, Maulana Abu Bakar⁴, Maulana Jalaluddin, Syarif Muhammad Kabungsuwan, Karim al-Makhdum dan Sultanul Arifin Syeikh Ismail juga antara nama alim-ulama yang membimbing sultan, para pembesar dan umat Islam Melaka. Malah golongan bangsawan dan anak-anak raja dititahkan untuk mengaji agama pada alim-ulama Melaka.

Dalam buku *Sultan-sultan Soleh* susunan Ustad Hasanuddin Yusof, tertera kisah putera Sultan Mansur Shah yang bernama Raja Hussein (kemudian menjadi Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488)). Dikatakan antara guru agama kepada Raja Hussein adalah seorang ulama dari negeri China. Pada asalnya, ulama tersebut enggan menerima Raja Hussein sebagai anak muridnya memandangkan statusnya sebagai putera Raja. Namun akhirnya ulama ini terpaksa mengalah apabila melihat kesungguhan Raja Hussein yang merayu-rayu untuk belajar Ilmu Tasawuf daripadanya.

Terbaru kita diketemukan dengan sejarah seorang ulama yang terkenal dengan gelaran 'Syeikh Ahmad Majnun', yang makamnya terletak di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan⁵. Nama sebenarnya adalah Syeikh Datuk Ahmad bin Syeikh Datuk Isa, disebut sebagai seorang ahlul-bait Rasulullahﷺ⁶. Beliau merupakan seorang ulama silam di Melaka dan wafat sekitar tahun 1467-1468. Ada dua versi tentang keberadaan makam Syeikh Ahmad di Negeri Sembilan. Versi pertama menyebut beliau wafat dalam salah satu misi dakwahnya, lalu dikebumikan di situ. Versi yang lain pula menyebut Syeikh Ahmad Majnun sebagai penganut 'mazhab yang berbeza' dari mazhab negeri Melaka pada ketika itu. Lalu beliau dan pengikutnya telah berpindah ke Pengkalan Kempas. Sultan Mansur Syah (1459-1477M) telah mengarahkan Bendahara Tun Perak untuk mengetuai angkatan perang Melaka memerangi Syeikh Ahmad Majnun dan pengikutnya bagi menjaga

² Sementara dalam Babad Cirebon dan Banten, disebut bahawa Sunan Giri dan Sunan Bonang menuntut di Pasai, kemudian ke Mekah. Dalam perjalanan pulang mereka mengaji di Melaka.

³ R. A. Hoesein Djajadiningrat Beschowing van de Sedjarah Banten, Haarlem, 1913, hlmn 256-257.

⁴ Ada pendapat mengatakan Maulana Abu Bakar ini adalah orang yang sama yang membangunkan kesultanan ahlul-bait di wilayah Sulu, Selatan Filipina, sementara adindanya Syariff Muhammad Kebungsuwan pula membangunkan kesultanan ahlul-bait Mindanao.

⁵ Disebut juga sebagai 'Keramat Sungai Udag'.

⁶ Syeikh Datuk Ahmad ibni Syeikh Datuk Isa bin Abdul Qadir ibni Abdullah ibni Abdul Malik ibni Alawi Amal Al-Faqih ibni Muhammad Shahib Mirbath ibni Ali Khali' Qasam ibni Alawi ibni Muhammad ibni Alawi ibni Ubaidillah ibni Ahmad Muhajirullah ibni Isa Al-Rumi ibni Muhammad Naqib ibni Ali Al-Uraidhi ibni Jaafar As-Sadiq ibni Muhammad Al-Baqir ibni Ali Zainal Abidin ibni Al-Hussein ibni Sayyidatina Fatimah binti Rasulullah ﷺ. Sumber dari Babad Kesultanan Banten.

masalah umat Islam waktu itu. Dalam peperangan inilah Syeikh Ahmad Majnun telah terkorban.

Ada dua perkara yang menarik tentang sejarah Syeikh Ahmad Majnun, pertama, beliau mempunyai seorang zuriat yang bernama Syeikh Datuk Kahfi⁷, disebut sebagai perintis dakwah Islam di wilayah Cirebon dan melahirkan zuriat umara ulama yang ramai di Jawa Barat⁸. Kedua, beliau adalah ayahanda saudara kepada Syeikh Siti Jenar⁹, yang disebut sebagai seorang tokoh ulama yang berfahaman Wahdatul Wujud sehingga menyebabkannya menerima hukuman bunuh oleh sidang Wali Songo¹⁰.

Kitab Duri'l-Manzum Petikan *Sulalatus Salatin*

Berikut merupakan penceritaan tentang pengajian kitab *Dur'il Mazlum* di kalangan istana, bangsawan dan pembesar Melaka, yang dipetik daripada kitab *Sulalatus Salatin*:

Alkisah maka tersebutlah perkataan seorang pendeta, Maulana Abu Ishak namanya, terlalu faham akan Ilmu Tasawuf. Maka tuan itu tawaf di Kaabah, berapa lamanya, sentiasa dengan air sembahyang juga, tiada hadas lagi, melainkan pada sebulan dua kali ia mengambil air sembahyang.

Maka dikarangnya sebuah kitab dengan dua Bahasa, satu Bahasa Zat, kedua Bahasa Sifat, dinamainya *Duri'l-manzum*. Maka segala segala orang yang banyak memuji dia. Setelah didengar oleh bondanya: “*apa tuan-tuan semua pujikan pada Abu Ishak, kerana ia malas; dengan semudanya itu, pada sebulan dua kali mengambil air sembahyang. Aku dengan tuaku ini pada sebulan sekali jua mengambil air sembahyang..*”

Hatta setelah sudah kitab tu, maka Maulana Abu Ishak pun menyuruh memanggil seorang muridnya, Maulana Abu Bakar namanya, maka diajarkanlah kitab *Duri'l-mazlum* itu kepadanya. Maka kata Maulana Abu Ishak: “*Pergilah engkau ke Melaka, beri fatwa olehmu segala orang dibawah angin.*”

Maka sahut Maulana Abu Bakar: “*Baiklah, tapi kitab ini tuan buat dengan dua Bahasa, hanya jika ditanyai orang hamba pada Bahasa Zat dan Bahasa Sifat, seperti pengajar tuan itulah hamba jawabkan. Jika ditanya orang Bahasa Af'al, apa jawab hamba kelak?*” Maka kata Maulana Ishak: “*Benar katamu itu.*” Maka dikarangnya pula Bahasa Af'al, maka jadilah kitab *Duri'l-mazlum* itu tiga Bahasa.

⁷ Beliau mempunyai beberapa nama lain seperti Syeikh Nurul Jati, Syeikh Nurjati, Syeikh Nurijati dan Maulana Idhofi Mahdi.

⁸ Generasi ke-5 daripada Syeikh Ahmad Majnun menjadi Sultan di kerajaan Sumedang Larang dengan mengambil gelaran Prabu Geusan Ulun Angkawijaya. Sementara generasinya yang ke-7 iaitu Syed Hasan pula menjadi mangkubumi atau perdana menteri dalam Kesultanan Banten mendampingi Sultan Ageng Tirtayasa, bergelar Raden Aria Wangsakara / Aria Tanggeran 1. Haulnya yang ke 401 baru sahaja disambut pada 29 April lepas di Tangerang, Banten.

⁹ Ayahanda kepada Syeikh Siti Jenar, iaitu Syeikh Dato' Soleh merupakan saudara kandung kepada Syeikh Ahmad Majnun. Disebut tentangnya, pernah menjadi tokoh ulama di Melaka, tapi kemudian berhijrah ke Cirebon apabila Portugis menjajah Melaka.

¹⁰ Berkemungkinan Syeikh Ahmad Majnun 'diperangi' oleh Sultan Mansur Syah kerana mengikut fahaman anak saudaranya Syeikh Siti Jenar itu, iaitu fahaman Wahdatul Wujud?

Setelah sudah, Maulana Abu Bakar pun turunlah ke bawah angin membawa kitab itu, menumpang kapal dari Jeddah ke Melaka. Setelah beberapa lamanya di laut, sampailah ke Melaka.

Maka sangat dipermulia oleh Sultan Mansur Syah akan Maulana Abu Bakar. Kitab *Duri'l-manzum* itu disuruh baginda arak lalu ke balairung. Maka Sultan Mansur Syah pun bergurulah dengan pada Maulana Abu Bakar; maka sangatlah dipuji oleh Maulana Abu Bakar akan Sultan Mansur Syah, terlalu amat terang hati. Banyaklah ilmu diperolehi baginda.

Maka oleh Sultan Mansur Syah *Duri'l-manzum* itu disuruh ertikan ke Pasai kepada Makhdum Patakan. Maka *Duri'l-manzum* itu pun diertikan, setelah sudah, dihantarkan ke Melaka, maka terlalu sukacita Sultan Mansur Syah melihat *Duri'l-mazlum* sudah bermakna. Maka *Duri'l-manzum* itu ditunjukkan baginda pada Maulana Abu Bakar, maka berkenanlah Maulana Abu Bakar akan makna *Duri'l-mazlum* itu, beberapa pujian akan Tuan Patakan.

Maka segala Orang Besar-besar Melaka sekeliannya pun bergurulah pada Maulana Abu Bakar...melainkan Kadi Melaka yang tiada berguru, Kadi Yusuf namanya. Adapun Kadi Yusuf itu daripada anak cucu Makhdum yang pertama mengislamkan segala orang Melaka itu. “

Peranan Pulau Besar

Kesultanan Melayu Melaka merupakan pusat *tarbiyah ruhiyyah* yang sangat penting di zaman kegemilangan Islam di Nusantara, yang pusatnya di masa itu, antaranya adalah Pulau Besar. Berbagai sumber lisan, penulisan dan warisan menyebut tentang kedatangan alim-ulama daripada jazirah Arab, khususnya Sultan al-'Ariffin Syeikh Ismail dari zuriat Sultan al-Awliya' Syeikh Abdul Qadir al Jailani beserta rombongannya pada akhir abad ke 15 Masihi. Dengan keizinan Sultan Mahmud Syah Melaka, Syeikh Ismail telah memilih Pulau Besar untuk kegiatan dakwah dan *tarbiyah ruhiyyah* jemaahnya.

Sebelum itu, di Pulau Besar telahpun ada seorang penghuninya yang tersohor iaitu Syeikh Sayyid Thanauddin bin Ahmad Shah Jalal, iaitu adik beradik kepada seorang mubaligh besar bertaraf '*patriach*' kepada ramai alim-ulama Nusantara seperti para Wali Songo, iaitu Sayyid Hussein Jamadil Kubro. Nama gelarnya adalah Tuan Guru Adi Putra.

Ikon Melayu tersohor, iaitu Dato' Laksamana Hang Tuah dikatakan berguru dengan Syed Thanauddin atau lebih terkenal dengan gelaran Adi Putra di Gunung Ledang. Hang Tuah bukan sahaja belajar Ilmu Persilatan daripada Syed Thanauddin, tetapi juga Ilmu Kebatinan & Perubatan. Kemudian Hang Tuah belajar ilmu 'Penjurit, Hulubalang, Ilmu Firasat & Ilmu Kesaktian' daripada saudara Syed Thanauddin di Tanah Jawa, yang digelar sebagai Sang Persata Nala¹¹. Selain itu Hang Tuah juga pernah belajar agama daripada Syeikh Mansur semasa peristiwa penyembunyiannya di Hulu Melaka oleh Bendahara Paduka Raja akibat difitnah oleh pembesar istana lalu dijatuhkan hukuman oleh Sultan Melaka.

¹¹ Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, DBP, 2008, hlm 162-163

Setelah kedatangan Syeikh Ismail di Pulau Besar, tidak berapa lama kemudian, datang pula alim-ulama dan mubaligh dari berbagai jazirah Arab sehingga di kemuncaknya, jumlah keseluruhan mereka adalah seramai 43 orang, yang dikenali sebagai Ahli Pulau Besar. Di tangan jemaah ini terbinalah pusat ilmu, dakwah dan *tarbiyah ruhiyyah* yang agak besar dan pesat di Pulau Besar, malahan semarak dengan kegiatan tasawuf dan tarekah, yang mana Syeikh Ismail sendiri menjadi Imam dan Mursyid, sementara gurunya Syeikh Muhammad Yusuf as-Siddiq¹² menjadi penasihat dan tempat rujukan.

Selain menjadi pusat ilmu, dakwah dan *tarbiyah ruhiyyah*, Pulau Besar juga dikenali sebagai pusat latihan ketenteraan untuk hulubalang Melaka dan tentera Islam dari berbagai wilayah di Nusantara sehingga pernah menjadi markaz ahli-ahli jihad fi sabilillah semasa berlakunya peperangan dengan agresor kristian Portugis pada awal abad ke 16 Masihi. Ramai syahid yang menentang Portugis dikebumikan di sini, antara yang dicatat adalah Pati Unus yang merupakan pemerintah Kesultanan Demak (di Pulau Jawa) yang ke-2¹³.

Syeikh Ismail wafat pada malam Rabiul awal tahun 925 Hijrah bersamaan 1520 Masihi ketika berusia 58 tahun. Beliau meninggalkan dua orang puteri dan seorang putera sebagai penyambung zuriatnya.

Dari semenjak ketibaan Syeikh Ismail beserta kaum keluarga dan sahabatnya lebih 500 tahun dahulu sehingga pada hari ini, Pulau Besar tidak sunyi dari kunjungan para penziarah yang datang untuk menimba ilmu-ilmu agama mahupun mengambil berkat dengan mengunjungi makamnya serta makam wali-wali Allah yang lainnya di sana.

Melaka Mendefinisi Melayu Dalam Ikatan Budaya

Sejarah latarbelakang Kesultanan Melayu Melaka adalah dikaitkan dengan kerajaan etnik Melayu pra-Islam di wilayah Palembang, Sumatera, yang mana belakngan warisnya muncul di bumi Melaka lalu membina kerajaannya di situ. Selepas pengislaman Parameswara yang mengambil gelaran Sultan Iskandar Syah, bermulalah era kemunculan para mubaligh, khususnya alim-ulama sufi dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Kedatangan Islam telah memulakan proses perubahan yang besar kepada falsafah, struktur, adat, budaya, sosio-politik, jatidiri, mentaliti, pandangan alam dan kejiwaan masyarakat Melayu dengan memalingkan daripada kehidupan sebelumnya yang menganuti kepercayaan animisme serta Hindu-Buddha, yakni yang berpegang kepada soal mistikal, semangat, dewa-dewi serta lain-lain kepercayaan syirik dan khurafat, kepada suatu kepercayaan baru yang berpaksikan konsep Tauhid, yakni Allah sebagai Pencipta alam dan makhluk, yang Maha Esa, segala-galanya bersumber daripadanya.

¹² Ada riwayat yang mengatakan bahawa bapa mertua dan penasihat kepada Syeikh Ismail ini sama orangnya dengan Maulana Ishak bin Ibrahim Asmoro, yang disebut sebagai orang yang mungkin mengislamkan Parameswara (rujuk notakaki 1)

¹³ Seorang ulama Aceh yang tersohor, Syeikh Syamsuddin Sumatra-i @Syeikh Syamsuddin Pasai, menjawat jawatan sebagai Qadi Malikul Adil dalam pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, juga telah turut terlibat dalam jihad menentang Portugis di Melaka. Beliau datang dalam tahun 1629, dengan angkatan perang Aceh yang besar, iaitu 20,000 tentera dengan 236 buah kapal perang. Dikatakan perang yang sengit tersebut berlangsung kira-kira lapan bulan sehingga Syeikh Syamsuddin gugur syahid. Makamnya masih ada dan dipelihara dengan baik di Kg Ketek, Melaka

Malahan berbagai ajaran serta amalan baru yang berteraskan unsur-unsur Tauhid, Syariat dan Tasawuf@Ihsan telah diperkenalkan yang bukan sahaja berhasil mengembang serta memperkayakan perbendaharaan bahasa Melayu Klasik@Jawi, malahan diterjemah dalam rupa bentuk, sistem dan struktur-struktur masyarakat, selain menjadikan kebanyakan adat budaya Melayu bersendi kitabullah.

Malahan sesetengah daripada apa yang dibawa oleh alim-ulama sufi ini adalah pengajaran-pengajaran yang dibawa hasil daripada pengalaman baik buruk dunia Islam di Timur Tengah dan Eropah yang dapat dijadikan iktibar dan tauladan kepada perkembangan *Fiqh Siyasi* dalam Kesultanan Melayu Melaka yang baru sahaja lahir sebagai salah satu dari mata rantai kerajaan-kerajaan Islam sedunia¹⁴.

Kefahaman Islam yang diajarkan dalam Kesultanan Melayu Melaka adalah pada fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah. Ini berikutan pengislaman Parameswara di tangan ulama sufi Pasai, selain hubungan kekeluargaan diraja Melaka dengan Pasai yang diketahui mengambil ajaran Fiqh Mazhab Syafiee dan menjadi pusat rujukan keagamaan bagi Melaka¹⁵. Pengislaman Raja Kecil Besar di tangan Sayyid Abdul Aziz yang dihantar oleh Syarif Mekah (pendokong fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah) juga merujuk kepada fahaman agama dari golongan ahlussunnah dalam Kesultanan Melaka.

Malah alim-ulama di Melaka juga mengajar kitab Tauhid & Tasawuf. Selain daripada kitab *Duri'l-Mazlum*, dua lagi kitab agama 'tinggi' tela¹⁶h diajar dan dibahaskan di istana Melaka, iaitu kitab *al Luma fi'l Tasawwuf* karya Abú Nasr 'Abdallah b. 'Ali al-Sarráj al-Tusi; dan kitab *al- Insan al-Kamil fi Makrifat al-Awakhir wa al- Awa'il* oleh Syeikh Abdul Karim al Jili, yang disebut sebagai kitab Tasawuf Falsafah. Diajarkan juga kitab *Fusus al-Hikam* karya Muhyiddin Ibnu Arabi.

Malah, menurut Tan Sri Prof Syed Naquib al-Attas, kemungkinan kitab aqidah aliran Imam Maturidi yang bertajuk *Al-Aqāid An-Nasafiyyah* karangan Imām Abu Hafs Umar bin Muhammad An-Nasafi, yang merupakan manuskrip Melayu terawal dijumpai setakat ini (abad ke 16), dipercayai telah diterjemah di zaman Melaka. Ianya memberikan suatu kesimpulan bahawa aqidah umat Islam di Melaka adalah daripada aliran Imam Maturidi.

Satu sumber mencatatkan bahawa kitab himpunan salawat *Dalailul Khairat* karangan Syekh Muhammad bin Sulaiman al-Jazuli (w. 872 H) juga telah dijumpai pada jasad para syuhada yang berperang melawan Portugis di Melaka dalam tahun 1511, merujuk kepada pengamalan kitab yang masyur ini.

¹⁴ Peranan yang dimainkan oleh alim-ulama sufi dari Tanah Arab, India dan Parsi, yang bersifat 'rahmatan & salaman', penuh ihsan, menusuk kalbu, berhikmah serta halus dan berseni telah berhasil membentuk identiti serta jatidiri bangsa Melayu yang lembut, serba sederhana dan bersifat 'kejiwa-jinaan'.

¹⁵ Menurut catatan Ibnu Batuttah dalam *al-Rehlah*, yang mengunjungi Pasai dalam tahun 1345 dan 1346 M, " Sultan Al-Malikuz Zahir dari golongan raja-raja yang mulia dan bermurah hati, berpegang dengan mazhab As-Syafiee, kasihkan alim-ulama yang datang ke majlisnya untuk membaca dan muzakarah; dan baginda banyak berjihad, sangat merendah diri, datang berjalan kaki untuk bersolat Jumaat dan penduduk negerinya berpegang dengan Mazhab Syafiee dan suka berjihad. Mereka itu keluar dengan sukarela bersama-samanya; mereka itu mendapat kemenangan di atas orang-orang kafir yang berhampiran, dan orang-orang kafir membayar jizyah kepadanya."

¹⁶ Mualimbunsu Syam Muhammad, *Motivasi Perang Sabil di Nusantara:Kajian kitab Ramalan Joyoboyo, Dalailul Khairat dan Hikayat Perang Sabil*, Media Madania, 2013.

Perundangan Melaka juga digubal mengikut undang-undang syariat dan undang-undang adat¹⁷. Dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, baginda memperkenalkan Hukum Kanun Melaka yang mengandungi 44 Fasal, antaranya meliputi persoalan adat berpakaian raja, bahasa segala raja-raja¹⁸, perkara yang dilarang orang biasa semasa pengkebumian, kesalahan yang boleh dijatuhkan hukum bunuh, orang yang mengamuk, membunuh hamba raja, orang yang mengganggu isteri orang, menyembunyikan dan melarikan hamba, hukum tuduh menuduh yang tidak bersaksi, hukum pertunangan, undang-undang tanah, denda yang dikenakan ke atas anak raja dan banyak lagi.

Pengaruh Islam amat jelas dalam Hukum Kanun Melaka, antaranya hukum mengenai wali, saksi, talak, zina, minum arak, merogol dan berhutang. Misalnya si pencuri, jika sabit kesalahannya akan dipotong tangan, dan sesiapa yang melakukan zina akan dihukum sebat seratus kali atau dihukum rejam dengan batu sampai mati¹⁹ (HKM Fasal 7:2 dan 12:2).

Salah satu ciri khas Hukum Kanun Melaka adalah wujud di dalamnya istilah 'malu' atau 'aib'. Ternyata penghukuman moral adalah sangat efektif. Orang Melayu takut merasa malu di hadapan orang lain. Jelas dalam era Kesultanan Melaka, Islam telah mempengaruhi pelbagai bidang kehidupan termasuk sistem pentadbiran, perkahwinan, pengkebumian, pemilik hartanah, pewarisan dan sebagainya.

Rumusan

Kecemerlangan, keagungan serta kehebatan Kesultanan Melayu Melaka yang bersumber dari tarbiyah ruhiyah oleh alim-ulama arifbillahnya, dengan pengajian serta amalan daripada kitab-kitab agama yang tinggi martabatnya, khususnya Tauhid Tasawuf, telah berperanan sebagai pencetus kepada impian kerajaan-kerajaan kecil di sekelilingnya, bukan sahaja untuk mengambil nobat Melaka, malahan mengambil sekali elemen-elemen yang menjadikan Melaka gah dan hebat seperti bahasanya, faham agamanya, sistem pentadbiran dan perundangannya serta adat istiadatnya. Rujuk pada kenyataan yang dibuat oleh seorang orientalis barat John L Esposito, *Oxford History of Islam*, hlm 426 tentang Kesultanan Melaka:

“... kerana Melaka sebuah kerajaan penakluk yang mempunyai jajahan-jajahan yang luas merangkumi wilayah-wilayah di utara hingga ke negeri-negeri perlindungan di selatan, ia tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa, Melaka merupakan pemangkin bagi tamadun budaya yang banyak meresap ke kebanyakan Kepulauan Melayu. Melaka telah menjadi penanda aras bagi Kesultanan-Kesultanan Melayu yang lainnya dari segi kesusasteraan, kerajaan (kanun-kanun negeri masing-masing banyak diubahsuai dari Melaka), seni-seni muzik dan tarian dan juga dari segi makanan. Perkara ini telah memeranjatkan pihak Portugis, apabila diperhatikan pengaruh Melaka pada Sumatra; hampir semua golongan elit bertutur di dalam Bahasa Melayu Melaka dan mereka menjunjung Adat Melaka dan ia telah digunapakai sebagai takrif bangsa Melayu serta adab dan budipekerti seorang yang sempurna. Pengamalan Agama Islam pun diukur dari tanda aras yang digunakan di

¹⁷ Hukum Syariat dan Hukum Adat Melaka menyerupai sistem perundangan Daulah Othmaniyyah di Istanbul yang menggunakan istilah Kanun Shar'i dan Kanun 'Urfi. Kanun Shar'i berlandaskan kepada tekstual (wahyu), manakala Kanun 'Urfi dituliskan oleh para khalifah Othmaniyyah setelah dipersetujui oleh para ulama bagi memudahkan pengurusan dan pentadbiran kerajaan.

¹⁸ Hukum Kanun Melaka mengatakan Hukum Adat Melaka diambil dari zaman Sultan Iskandar Zulkarnain yang disebut sebagai nenek moyang kepada Raja-raja Melayu Melaka.

¹⁹ Kesultanan Pahang, Brunei & Aceh merupakan tiga kesultanan Melayu yang menggazetkan perundangan negeri dengan mengambil Hukum Kanun Melaka sebagai rujukan dan panduan.

Melaka. Walaupun Samudera-Pasai serta Aceh mempunyai jajahan dan pengaruh Islamnya yang tersendiri, Melakalah yang meletakkan jatidiri dan identiti Bangsa Melayu hingga melahirkan ungkapan ‘Melayu itu Islam’, dan memeluk Agama Islam itu bererti ‘Masuk Melayu’.

Kenyataan di atas merupakan suatu pengesahan ilmiah tentang peranan golongan umara dan ulama Kesultanan Melaka yang berhasil memperluaskan ruanglingkup makna yang tersirat di sebalik kalimah ‘Melayu Melaka’. Iaitu dari asal muasalnya ditakrifkan sebagai suatu kaum yang berkerajaan kecil di Bukit Siguntang dalam wilayah Palembang, Sumatera, berubah menjadi suatu konsep, ide, gagasan yang mengikat berbagai kaum di rantau ini dalam satu ikatan agama dan budaya yang mana pusat rujukan dan induk asalnya adalah Kesultanan Melayu Melaka.

Sehingga hari ini pun, dalam konteks Perlembagaan Negara Malaysia (Perkara 160), Melayu tetap ditakrifkan begitu, bukan dalam konteks perkauman yang sempit tetapi dalam ikatan agama budaya yang didefinisikan sebagai *‘beragama Islam, berbahasa Melayu & lazim beradat istiadat Melayu’*.

Maka zaman Kesultanan Melaka disebutkan sebagai zaman emas dalam sejarah Melayu, berperanan sebagai pusat ketamadunan dan peradaban yang terunggul di rantau ini, malahan diakui dunia, sehingga menjadi lambang kesedaran kebangsaan (*national consciousness*) yang amat berwibawa. Keagungan dan kegemilangan Kesultanan Melaka yang bersumber dari gandingan ampuh serta kebersamaan ulama dan umara hebat tetap bersemadi dalam ingatan kolektif orang-orang Melayu sehingga hari ini dan terpendam hasrat serta cita-cita yang besar untuk mengembalikan jatiri, identiti dan budaya kemelayuan unggul sebagaimana yang pernah berlaku di zaman Melaka.

Maka benarlah sabdaan Rasulullah ﷺ sebagaimana berikut: *“... Dua golongan, apabila baik mereka, maka baiklah masyarakat, iaitu UMARA dan ULAMA...”* (HR Abu Nuaim)

Sesungguhnya, lintas sejarah Kesultanan Melaka menjadi bukti nyata tentang kebenaran hadith Rasulullah ﷺ ini. Wallahu ‘alam bissawab

Intaha

RUJUKAN

- Mohd Taib Othman & A Aziz Deraman, *Tamadun Islam di Malaysia*, DBP, 2000
- Dr Ismail Hamid, *Perkembangan Islam di Asia & Alam Melayu*, 1986
- Tun Sri Lanang, *Sulalatus Salatin@ Sejarah Melayu* (suntingan A. Samad Ahmad), DBP, 2003
- Mohd Taib Osman & A. Aziz Deraman, *Tamadun Islam di Malaysia*, DBP, 2000
- Teuku Iskandar, *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, Libra Jakarta, 1996
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Fact & Fiction*, 2011
- Syeikh Muhyiddin ibn Abi Bakar al-Safi, *Haza Maulidu Tuhfatul Abrar Fi Manaqib Ahlu Pulau Besar* Madras, India, 1957
- Kassim Ahmad, *Hikayat Hang Tuah*, DBP, 2008
- Muhammad Yusuff Hashim, *Masyarakat Melaka zaman kesultanan dan sifat kosmopolitaannya, ?*
- Hasanuddin Yusof, *Sultan-sultan Soleh di Nusantara*, alHijrah Production, 2015
- Hikayat Hang Tuah, edisi Kassim Ahmad, DBP, 2008
- Abd Latif Juffri@al-Jufri, *Pendekatan Dakwah Wali 9*, Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2013
- Agus Sunyoto, *Atlas Wali Songo*, Mizan Media Utama, Bandung, 2012
- Mualimbunsu Syam Muhammad, *Motivasi Perang Sabil di Nusantara:Kajian kitab Ramalan Joyoboyo, Dalailul Khairat dan Hikayat Perang Sabil*, Media Madania, 2013.
- Hasanuddin Yusof, *Teknologi Kesultanan Melaka,Maktab Penyelidikan Tamadun Islam Nusantara*, 2017
- John L Esposito, *Oxford History of Islam*
- Babad Kesultanan Banten, Jawa Barat